

Transformasi luar bandar pelengkap transformasi negara maju

# Sokongan semua pihak penting

HB 01-12-2011 64

Oleh **RUZAINI ZULKIFLI**  
ruzainiUB@gmail.com

**U**SAHA mentransformasi sesebuah negara untuk menjadi sebuah negara maju tidak akan lengkap jika perancangan tidak memberi tumpuan kepada kawasan luar bandar. Meskipun begitu, usaha membangun kawasan luar bandar bukannya satu proses mudah yang boleh dilaksanakan sekelip mata kerana ia melibatkan pembangunan fizikal dan persekitaran, selain berhadapan dengan pelbagai kenehan yang tidak dijangkakan.

Namun dengan komitmen kerajaan yang berterusan, pembangunan luar bandar mampu digerakkan dengan



**UNJAM LAUT DALAM...**Nasir (tengah) disaksikan Dr. Kassim (lima kiri), Ismail Ali (empat kiri), Tahir Amir (tiga kiri) dan sebahagian penduduk dan mahasiswa memotong pita sempena melancar rasmi Pembuangan Payao (Unjam laut dalam) di kawasan laut pulau Mabul sempena program Perdana Maskum di Semporna.

**TUNDA PAYAO...**Sekumpulan peserta Maskum yang terdiri daripada mahasiswa UPNM, Unimas dan UMS menggunakan bot nelayan menunda dan membawa dua buah Payao (unjam laut dalam) untuk upacara pelancaran di kawasan laut Pulau Mabul, Semporna.



sebaiknya apabila ia mendapat sokongan dan dokongan sepenuhnya daripada semua pihak, termasuk masyarakat setempat.

Menteri di Jabatan Ketua Menteri, Dato' Sri Nasir Tun Sakaran berkata sumbangan daripada semua pihak termasuk institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/S) dalam membantu kerajaan negeri meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar adalah satu sumbangan besar.

Katanya, kerjasama pintar antara IPTA dan IPTS bersama masyarakat setempat merupakan satu langkah terbaik kerana ia bukan sahaja memberi faedah besar kepada orang ramai, tetapi dalam masa sama mampu mendidik

mahasiswa untuk mengenali kehidupan sebenar golongan luar bandar.

Menurutnya, khidmat bakti diberikan oleh mahasiswa akan membantu golongan yang tinggal di luar bandar memperoleh manfaat daripada ilmu yang dituntut mereka di menara gading.

"Ia merupakan salah satu bentuk sumbangan sosial yang boleh diberikan oleh pihak universiti dalam memacu taraf sosio-ekonomi masyarakat luar bandar, selain memberi peluang kepada mahasiswa untuk merasai sendiri kehidupan di luar bandar," katanya baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Perdana Majlis Sukarelawan Universiti-Universiti Malaysia

(Maskum) yang menabur bakti di Pulau Mabul, Pulau Bum-Bum dan Kampung Pokas, Semporna.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (TNC) Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Datuk Dr Kasim Mansur dan Pengerusi Maskum, Prof Dr Wan Mahzom Ahmad Shah.

Program empat hari anjuran Maskum itu membolehkan mahasiswa bekerjasama dengan masyarakat setempat untuk membina unjang ikan yang dinamakan 'payao' bersama kumpulan nelayan di Pulau Mabul dan menyiapkan sangkar ikan di Pulau Bum-Bum.

Mengulas lanjut, Nasir berkata penglibatan masyarakat setempat

dengan 'Community Engagement' anjuran pihak universiti membolehkan impak positif diperoleh untuk meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat.

Jelasnya, ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh mahasiswa dapat dikongsi dengan masyarakat setempat tidak



**SIJIL PENYERTAAN...**Nasir (kanan) disaksikan Dr. Kassim (kiri) dan Wan Mahzom (dua kanan) menyampaikan sijil penyertaan kepada Ketua Mahasiswa sempena majlis berkenaan.

lagi hanya bergantung kepada kemahiran yang diperoleh daripada nenek moyang mereka.

Kemajuan teknologi yang rancak berkembang dan kajian berterusan dilakukan oleh pihak universiti telah menemui pelbagai penemuan teknologi terbaru yang boleh meningkatkan nilai produk.

"Teori dan kemahiran terkini yang lebih saintifik dapat dikongsi bersama dengan golongan nelayan di pulau ini, sekali gus membantu mereka

menambah pendapatan yang lebih baik dan tidak bergantung kepada teknik penangkapan ikan secara tradisi," katanya.

**MAHASISWA SERONOK TABUR BAKTI DI SEMPORNA**

Peluang menabur bakti



**MESRA PEMIMPIN...**Nasir (dua kanan) diringi Dr. Kassim (dua kanan) dan Panglima Jamaludin (kanan) bersalaman dengan sebahagian penduduk kampung Pulau Mabul sempena majlis itu.

di kawasan pedalaman merupakan satu pengalaman yang

Fadhliyah Saiful, 21, pengalaman selama empat hari membina unjang ikan yang dinamakan 'payao' bersama kumpulan nelayan di Pulau Mabul dianggap kenangan terindah dirinya bersama masyarakat nelayan.

Katanya, selain dapat bekerjasama dengan penduduk setempat, dia juga berpeluang mendalami cara hidup dan budaya masyarakat Bajau Laut yang tinggal di pulau berkenaan.

"Ia cukup mengujakan saya dan rakan-rakan. Ini merupakan pengalaman terindah kami untuk merasai sendiri kehidupan di perkampungan nelayan dan berharap dapat berbakti lagi pada masa depan," katanya.

Sementara itu, Wan Azizul Faiz Zulkifli, 21, berkata segala ilmu pengetahuan yang diperoleh dalam bilik kuliah dapat dipraktik dan dikongsi bersama dengan masyarakat setempat.

Dia yang merupakan mahasiswa kursus Kejuruteraan Pertahanan UPNM berkata, meskipun penduduk di Pulau Mabul sememangnya terkenal

dengan kepakaran menangkap ikan, namun kajian terkini yang dilakukan oleh pihak universiti boleh dikongsi bersama dalam menambah pendapatan seharian masing-masing.

"Kami bukan sahaja dapat mencurahkan ilmu pengetahuan yang dimiliki kepada masyarakat setempat, malah kami juga menimba pengalaman baru daripada nelayan yang mempunyai pelbagai pengalaman berharga di atas laut," katanya.

Bagi mahasiswi Diploma Kejuruteraan UMS, Siti Norshawati Saidol, kesempatan memberi perkhidmatan pemeriksaan kesihatan kepada masyarakat di Kampung Pokas adalah pengalaman istimewa dan sukar dilupakan.

Katanya, bukan sahaja dapat memeriksa orang ramai di kampung itu, malah dia juga berpeluang memeriksa salah seorang pemimpin politik di Sabah iaitu Nasir.

"Ia cukup bermakna buat saya dan rakan-rakan kerana dapat berbakti kepada penduduk di sini dan kehadiran kami juga sangat dialu-alukan. Pastinya pengalaman di sini akan terus terpahat dalam diri kami sebagai kenangan istimewa di Semporna," katanya.

**KENANGAN MASKUM...**Nasir (enam kiri), Dr. Kassim (enam kanan), Wan Mahzom (lima kiri), Ismail Ali (kiri) dan sebahagian pemimpin tempatan mengabadikan gambar kenangan.



**PERIKSA KESIHATAN...**Nasir (duduk) diringi Dr. Kassim (dua kanan), Ismail Ali (kanan) turut memeriksa kesihatan dikendalikan mahasiswa dan mahasiswi di situ.



**PROGRAM PERDANA MASKUM IPTA 2011**  
7 - 11 Nov 2011  
Semporna Sabah

Dirasakan Oleh:  
Dato' Sri Hj. Nasir Tun Sakaran  
Menteri di Jabatan Ketua Menteri  
Sabah